

12/09/2002

Adun: Yong dilucut (HL)

Amirullah Andi Nur; Rohaniza Idris; Tuan Nazuri Ismail  
KUALA LUMPUR, Rabu - Bekas Ketua Menteri yang juga Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee, kini bukan lagi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Likas berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan 3 September lalu.

Bagaimanapun, pilihan raya kecil Likas tidak perlu diadakan kerana tempoh Dewan Undangan Negeri (DUN) sekarang hanya tinggal 15 bulan, selaras peruntukan Perkara 21 (5) Perlembagaan Negeri Sabah.

Kedudukan Yong sebagai Ahli Parlimen Gaya pula akan gugur secara automatik pada 18 September ini dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dijangka menentukan kedudukan kerusi itu selepas tarikh berkenaan.

Ini kerana Perlembagaan Persekutuan menetapkan kelayakan seseorang ahli Parlimen yang disabitkan kesalahan, hanya berkuat kuasa selepas 14 hari mahkamah menjatuhkan hukuman.

Speaker DUN Sabah, Datuk Hassan Alban Sandukong memberitahu pemberita di Kota Kinabalu hari ini, keputusan itu dibuat berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan bahawa Yong lucut jawatannya sebagai Adun Likas.

Beliau berkata, Pejabat Speaker DUN Sabah yang bermesyuarat bagi membincangkan isu itu di sini Isnin lalu akur bahawa keputusan Mahkamah Persekutuan adalah muktamad.

Katanya, keputusan mengesahkan pengguguran Yong itu dicapai dalam mesyuarat bersama timbalannya, Datuk Francis T N Yap serta Setiausaha DUN, Ahmad Shah Mohd Talip serta timbalannya, Mohd Ashrie Hassan dan Misar Nurujat.

"Keahlian Yong sebagai Adun gugur berkuat kuasa pada tarikh pengumuman rayuannya ditolak. Mesyuarat bersetuju menerima keputusan Mahkamah Persekutuan itu adalah muktamad.

"Keputusan ini dibuat adalah berdasarkan bidang kuasa saya sebagai Speaker saja. Soal sama ada Yong hilang kelayakan untuk bertanding pada pilihan raya akan datang, bergantung kepada SPR," katanya.

Pada 3 September lalu, Yong gagal mendapatkan kebenaran Mahkamah Persekutuan untuk merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang mengekalkan keputusan Mahkamah Pilihan Raya bahawa beliau melakukan amalan rasuah pada pilihan raya negeri 1999.

Keputusan itu diumumkan oleh Ketua Hakim Negara, Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah, yang bersidang bersama Hakim Besar Malaya, Tan Sri Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dan Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Abdul Malek.

Hassan berkata, beliau sudah memaklumkan keputusan itu kepada Perdana Menteri merangkap Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin lalu dan Kabinet Sabah termasuk Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat pagi ini.

Beliau juga akan turut menghantar pengesahan perkara itu kepada SPR serta memaklumpkannya kepada Yong hari ini.

Sementara itu, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail berkata, kedudukan Yong sebagai ahli Parlimen Gaya terlucut secara automatik pada 18 September ini.

"Jika tiada sebarang perubahan terhadap tindakan yang telah diambil mengikut Perlembagaan, sampai 18 September ini, maka automatik Yong tidak mempunyai kelayakan lagi sebagai wakil rakyat," katanya di Lobi Parlimen.

Beliau berkata, mengikut Seksyen 48(4) Perlembagaan Persekutuan, kelayakan Yong sebagai ahli Parlimen hanya berkuat kuasa selepas 14 hari mahkamah menjatuhkan hukuman.

Bagi kes kesalahan pilihan raya, katanya, mahkamah perlu menghantar penyata kepada SPR dalam tempoh 14 hari selepas hukuman dikenakan dan kemudian memaklumkan kepada Parlimen.

Mohamed Zahir berkata, pengguguran ahli Parlimen tidak memerlukan perisytiharan tetapi terbatal secara automatik seperti yang pernah berlaku terhadap bekas ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng.

"Pada fikiran saya, tidak perlu diisytihar, dia automatik berhenti sebagai wakil rakyat. Mengikut Perlembagaan, Yong mempunyai satu ruang lagi bagi mengelak kelayakannya sebagai ahli Parlimen hilang iaitu merayu mendapatkan pengampunan Yang di-Pertuan Agong," katanya.